

SEBAHAGIAN daripada peserta yang terlibat menjayakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran Sungai Bonus berdekatan The Expressionz, Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Pemaju, komuniti turut serta bantu projek RoL

KUALA LUMPUR 20 Feb. -Usaha dan komitmen kerajaan dalam mengindahkan kawasan sungai di ibu kota melalui projek *River of Life* (RoL) bukan sahaja mendapat sambutan baik masyarakat malah juga pemaju.

Ini dapat dibuktikan apabila seramai 40 orang terdiri daripada rakan-rakan dan pemaju kondominium berdekatan Sungai Bonus berkumpul seawal pukul 8 pagi untuk menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sungai terbabit.

Pemaju The Expressionz, Ahmad Shamsul Baharin Mohd. Hanafiah berkata, pihaknya terpujilah untuk mengadakan program kemasyarakatan itu bagi menyahut seruan kerajaan se-

perti yang diterapkan menerusi Local Agenda 21.

“Saya sebagai pemaju projek bersama rakan-rakan berasa bertanggungjawab untuk turut serta menjaga keindahan kawasan sungai apatah lagi ia berdekatan dengan tapak projek.

“Penglibatan daripada pihak swasta, orang ramai dan kerajaan amat penting dalam memulihara alam sekitar yang sememangnya menjadi amanah dan tanggungjawab kita bersama,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Ahmad Shamsul berkata, pelbagai jenis pokok antaranya pokok herba dan buah-buahan ditanam dalam aktiviti gotong-royong yang turut melibatkan anggota Dewan Bandaraya Kua-

la Lumpur (DBKL).

Beliau turut menyifatkan langkah berkenaan sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam membantu menjaga landskap dan persekitaran.

“Pemaju mengambil pendekatan untuk mewujudkan persekitaran ini kerana di sinilah tempat untuk kita berkumpul dan membina hubungan persaudaraan. Inilah kebaikan yang perlu kita lihat hari ini dan bakal menjadi impian pada masa depan.

“Saya harap program ini akan jadi motivasi kepada orang lain untuk sama-sama membantu mengindahkan kawasan sungai dan alam sekitar,” katanya ketika ditemui selepas program berakhir pada pukul 12 tengah hari.